



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
Tingkat 1-5, Wisma Perindustrian,
Jalan Istiadat, Likas,
88400 Kota Kinabalu.
Tel.: 088-260161



Bil. JPAN: (PK) 5000-500/30/3/Klt.1/(35)
3 Oktober 2018

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Pegawai Daerah Kecil
Semua Pegawai Badang-Badan Berkanun
Semua Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
KE LUAR NEGARA (UNITED KINGDOM, JEPUN DAN AUSTRALIA) TAHUN 2018**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan galakan YAB Ketua Menteri Sabah supaya pegawai-pegawai diberi peluang meningkatkan kapasiti dan kompetensi, sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri ingin mempelawa pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk mengikuti **Program Latihan Dalam Perkhidmatan Ke Luar Negara**. Butiran program-program ini adalah seperti berikut :-

Bil.	Tajuk	Tarikh	Gred	Tarikh Tutup Permohonan
i.	Oxford Leadership 4.0: Immersive Learning Lab, University of Oxford, United Kingdom	Awal Januari 2019	54/ JUSA	1.11.2018
ii.	Building A High Performance Organisation Culture, Tokyo Jepun	4-10 Nov. 2018	52	15.10.2018
iii.	Strategic Leadership, Perth, Australia	12-17 Nov. 2018	48	15.10.2018

...2/-



"MEMBASMI DADAH, KEWAJIPAN KITA"

Rujukan : (PK) 5000-500/30/3/Klt.1/()

Tarikh : 3 Oktober 2018

3. Tujuan program-program latihan luar Negara ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai kerajaan mendapat pengetahuan dan kepakaran berkaitan dengan kepimpinan dan budaya organisasi berprestasi tinggi.

4. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- i. Berumur tidak melebihi 55 tahun pada 1 Januari 2018
- ii. Pegawai-pegawai Kerajaan dalam pelbagai skim perkhidmatan mengikut gred jawatan yang dinyatakan

5. Kemudahan

Jabatan ini akan membiayai semua perbelanjaan kursus termasuk yuran kursus dan tiket penerbangan. Pegawai yang terpilih untuk mengikuti program ini layak dibayar elaun-elaun dan kemudahan mengikut kelayakan Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus di bawah Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil 6/2013.

6. Tatacara Permohonan/Pencalonan

6.1. Tanggungjawab Pegawai

6.1.1. Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan yang disertakan.

6.1.2. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing bersama-sama dokumen berikut:

- (i) Borang JPAN/LDP 1/2018 (Lampiran A)
- (ii) Salinan Senarai Kursus yang pernah dihadiri dalam tempoh 3 tahun (cetakan daripada SM2) dan
- (iii) Salinan Senarai Tugas

6.1.3. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan tidak akan diproses.

Rujukan : (PK) 5000-500/30/3/Klt.1/()

Tarikh : 3 Oktober 2018

6.2. Tanggungjawab Ketua Jabatan

6.2.1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

6.2.2. Semua pencalonan hendaklah diperakukan dengan menggunakan borang JPAN/LDP 1/2018 (Lampiran A). Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan sahaja perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen di Perenggan 6.1.2.

7. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat :

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah
Tingkat 5, Wisma Perindustrian
KOTA KINABALU

Sebarang pertanyaan dalam urusan ini, sila hubungi:

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri
Bahagian Pengurusan Kompetensi
Tel : 088-260161 ext. 166
Emel : nancy.chee@sabah.gov.my

8. Hanya permohonan yang berjaya sahaja akan dihubungi. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.



[JOSIE LAI]

b.p. Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

JL/CKPN(3/10/18)



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

Gambar Ukuran

Passport

Borang Permohonan Program Latihan Dalam Perkhidmatan (Luar Negara)

KURSUS YANG DI POHON

1 Nama Kursus : _____

MAKLUMAT PEGAWAI

1 Nama : _____

2 No. Kad Pengenalan : _____

3 Tarikh Lahir : _____

BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN SEKARANG

1 Klasifikasi Perkhidmatan : _____

2 Skim Perkhidmatan : _____

3 Gred Jawatan : _____

4 Kementerian/ Jabatan : _____

5 Tarikh Lantikan : _____

6 Tarikh Disahkan Jawatan : _____

7 Alamat tempat bertugas : _____

8 No. Telefon Pejabat : _____

9 No. Telefon H/P : _____

10 No. Fax : _____

11 Emel : _____

REKOD LATIHAN (2016-2018)

- 1 Sila cetak daripada SM2 senarai kursus yang pernah dihadiri pada tahun 2016-2018

MAKLUMAT KELUARGA

- 1 Orang yang boleh dihubungi semasa kecemasan :

(i) Nama : _____
(ii) Hubungan : _____
(iii) No. Telefon : _____
(iv) Alamat : _____

PENGAKUAN PEMOHON (potong yang tidak berkenaan)

- 1 Diertakan salinan dokumen-dokumen sokongan bertanda (/) yang telah diakui sah oleh pegawai kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional seperti di bawah :

- (i) Borang JPAN/LDP1/2018 (Lampiran A)
(ii) Salinan Kursus Yang Pernah di Hadiri (cetakan daripada SM2)
(iii) Salinan Senarai Tugas

- 2 Saya mengaku bahawa semua keterangan di atas adalah benar dan permohonan ini adalah lengkap. Sekiranya kenyataan yang diberikan tidak benar atau permohonan ini tidak lengkap, JPAN berhak membatalkan permohonan ini.

Tarikh : _____

(Tandatangan Pemohon)

PENGAKUAN KETUA JABATAN (potong yang tidak berkenaan)

- 1 Saya menyokong/ tidak menyokong permohonan ini.
2 Pegawai **BOLEH/ TIDAK BOLEH** dilepaskan untuk menjalani kursus yang dipohon.

Saya mengesahkan bahawa semua kenyataan yang diberikan oleh _____ adalah benar dan permohonan ini adalah lengkap.

Tarikh : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Cop Rasmi Jabatan :